

ANALISIS SIKAP DAN KEMISKINAN TEGAR DI KAWASAN

PARLIMEN MERBOK

DISEDIAKAN OLEH:

PROF. MADYA DR. ZALIHA HJ. HUSSIN

PROF. MADYA WAN ZULKIPLI WAN SALLEH

ELIAS JAAFAR

FEBRUARI 2005

ISI KANDUNGAN

Daftar Illustrasi	vii
Abstrak	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Penyelidikan	1
1.2 Kepentingan Penyelidikan	2
1.3 Objektif Penyelidikan	3
1.4 Definisi Terma	3
1.5 Pernyataan Masalah	4
1.6 Skop Penyelidikan	6
1.7 Rekabentuk Teori Penyelidikan	7
1.8 Persoalan Penyelidikan	8
1.9 Organisasi Penyelidikan	9

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	11
2.1 Konsep Kemiskinan	14
2.2 Sikap dan Kemiskinan	16

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	18
3.1	Sasaran Kajian	18
3.2	Tinjauan Rintis	18
3.3	Kaedah Persampelan	19
3.4	Penganalisaan Data	19

BAB 4 LATAR BELAKANG RESPONDEN

4.0	Pengenalan	21
4.1	Latar Belakang Responden	21
4.2	Analisis Sikap : Aspek Pendidikan	30
4.3	Analisis Sikap : Aspek Budaya/ Amalan Hidup	45
4.4	Analisis Sikap : Aspek Birokrasi	55
4.5	Analisis sikap : Aspek Sosio – Psikologi	59

BAB 5 HASIL PENYELIDIKAN

5.0	Pengenalan	80
5.1	Faktor – Faktor Dominan Bagi Aspek Budaya/ Amalan Hidup	83
5.2	Faktor – Faktor Dominan Bagi Aspek Sosio – Psikologi	85
5.3	Unjuran Untuk Sikap Dari Sudut Amalan Hidup/ Budaya	89
5.4	Unjuran Untuk Sikap Dari Aspek Sosio – Psikologi	95

ABSTRAK

Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kemiskinan tegar dengan merangka pelbagai dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Nasional (DWN) dan sebagainya. Kerajaan Kedah turut merangka matlamat Kedah Maju 2010 dengan harapan rakyatnya menyahut cabaran bagi berusaha bersungguh-sungguh untuk membebaskan diri dari belenggu kemiskinan. Bagaimanapun fenomena kemiskinan tegar terus berlaku sehingga ke hari ini. Objektif utama kajian ini memfokuskan analisis sikap isi rumah yang tergolong dalam kemiskinan tegar di kawasan Parlimen Merbok merangkumi Mukim Semeling, Bujang, Merbok, Teloj Kiri, Sungai Petani dan Sidam Kiri. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur dominan yang mempengaruhi sikap penduduk di bawah kemiskinan tegar. Daripada 685 orang miskin, hanya 64 responden sahaja dikenal pasti sebagai miskin tegar. Instrumen kajian pula adalah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden terbabit. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 12.0.1. Kajian ini turut mengkategorikan sikap penduduk kepada empat aspek iaitu aspek pendidikan, aspek birokrasi, aspek budaya/ amalan hidup dan aspek sosio-psikologi. Hasil Analisis Faktor menunjukkan bahawa daripada empat (4) aspek sikap yang dikaji, hanya dua aspek sikap sahaja yang signifikan iaitu sikap dari aspek budaya/ amalan hidup dan sikap dari aspek sosio – psikologi. Hasil Analisis Berganda pula mendapati bahawa sikap bagi aspek amalan hidup/ budaya dipengaruhi secara positif oleh pertukaran parti politik akan mengubah kehidupan, bantuan ketika pilihanraya adalah alat pancing undi, tambah kemahiran boleh tingkatkan ekonomi, kehidupan ini ditentukan oleh nasib, dan pihak

kerajaan banyak menyediakan bantuan kepada golongan termiskin. Seterusnya, dari aspek sosio-psikologi, hasil kajian Analisis Regresi Berganda mendapati bahawa terdapat tujuh komponen yang mempengaruhi iaitu saya akan tololng kenduri jiran/ saudara mara walaupun perlu bercuti kerja, negara ini mudah untuk mencari rezeki, saya menggunakan bantuan baja yang diberi oleh pihak kerajaan, saya suka berbual di gerai makan, saya akan meneruskan usaha walaupun tidak disokong oleh rakan-rakan, ketua keluarga adalah bertanggungjawab untuk mencari rezeki, jika bergiat dalam parti politik dan saya boleh menjadi kaya.